

PERUBAHAN MEMBERI KESAN KEPADA SISTEM PENGURUSAN KUALITI

Bil	Perubahan yang Telah Dibuat	Kesan	Status (Tandakan √ pada ruangan yang berkenaan)		Catatan
			Telah Dilaksanakan	Sedang Dilaksanakan	
1.	Pembentukan Pusat Jaminan Kualiti sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) baharu di bawah entiti Pejabat Naib Canselor (Pusat Jaminan Kualiti)	Ekosistem kualiti UPM adalah baik dan teratur yang melibat jaminan kualiti universiti secara menyeluruh merangkumi kualiti akademik dan kualiti perkhidmatan	√	-	Sumber maklumat: Laporan Ketua Juruaudit Dalam QMS 2016 Pelantikan Pengarah pada 1 November 2016
2.	Menggabungkan Jawatankuasa Pepandu Kampus Hijau dan Jawatankuasa Lanskap Kampus serta dinamakan sebagai Jawatankuasa Pepandu Kelestarian Hijau dipengerusikan oleh TNC JINM. (Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat))	Menggerakkan hala tuju pembangunan mapan dan semua inisiatif yang akan dilaksanakan berdasarkan Polisi Hijau UPM	√	-	Sumber maklumat: Perutusan 100 Hari Naib Canselor

Bil	Perubahan yang Telah Dibuat	Kesan	Status (Tandakan √ pada ruangan yang berkenaan)		Catatan
			Telah Dilaksanakan	Sedang Dilaksanakan	
3.	Program <i>Unshackling Young Academics</i> untuk membangunkan bakat ahli akademik muda yang masih dalam lima tahun pertama perkhidmatan. (Pejabat Pendaftar)	Meningkatkan potensi kepimpinan para akademik muda, mempunyai keberanian untuk meneroka ilmu baharu, mempunyai daya kritis yang tinggi, serta kesungguhan dan iltizam untuk mencapai kecemerlangan	√	-	Dilaksana secara berterusan. Program kali pertama telah dilaksanakan pada 11- 13 April 2016 Sumber maklumat: Perutusan 100 Hari Naib Canselor
4.	Pelaksanaan penangguhan dasar berkursus 7 hari setahun dengan pengurangan sasaran dari 42 mata CPD (7 hari setahun) kepada 18 mata CPD (3 hari setahun). (Pejabat Pendaftar)	Kesan secara langsung ianya mengurangkan keperluan latihan yang perlu dihadiri staf pada tahun 2016 dan boleh memberi kesan kepada peningkatan kompetensi staf. Dari segi kewangan, pengurangan peruntukan yang diberikan kepada Seksyen Latihan pada tahun 2016 juga menyebabkan perancangan latihan terpaksa dirombak dan diberikan keutamaan kepada latihan-latihan yang meningkatkan kompetensi pegawai dan berkait langsung dengan konteks pekerjaan.	√	-	Perkara ini telah dimaklumkan kepada semua Timbalan Penyelaras Latihan Staf (TPLS) di Semua PTJ pada Mesyuarat Bersama TPLS PTJ pada 6 Jun 2016. Seksyen Latihan dalam proses mengeluarkan makluman melalui surat kepada semua PTJ dan Seksyen Saraan dan Prestasi. Perbincangan bersama iDEC telah diadakan pada 10 Jun 2016 bagi membuat pindaan kepada SPL.

Bil	Perubahan yang Telah Dibuat	Kesan	Status (Tandakan √ pada ruangan yang berkenaan)		Catatan
			Telah Dilaksanakan	Sedang Dilaksanakan	
5.	Menggalakkan budaya institusi wakaf bagi penambahan sumber pendapatan melalui tabung endowmen dan Dana Wakaf Ilmu UPM. (Pejabat Bursar)	Memberi manfaat kebajikan warga UPM serta menyumbang kepada kesejahteraan pelajar sepanjang pengajian.	√	-	Pada akhir tahun 2015, jumlah terkumpul tabung Dana Wakaf adalah sebanyak RM6.5 juta. Sumber maklumat: Perutusan 100 hari Naib Canselor
6.	Membangunkan kaedah menginput dan menganalisis data keperluan latihan staf secara atas talian. (Perpustakaan Sultan Abdul Samad)	Memudahkan dan mempercepatkan proses input dan analisa data menggunakan Sistem U-Survey.	√	-	Dilaksanakan pada 26 Mei 2015
7.	Meletakkan pengimbas <i>barcode</i> ke dalam mesin pinjaman layan diri supaya pinjaman bahan dapat dilakukan menggunakan sistem RFID sepenuhnya. (Perpustakaan Sultan Abdul Samad)	Memberi kemudahan kepada pengguna meminjam buku walaupun cip kad bermasalah dan ketika waktu kaunter pinjaman tidak beroperasi. Ia juga memudahkan staf membuat pemantauan status bahan yang dipinjam oleh pengguna tanpa perlu membuat semakan ke atas setiap buku tersebut.	√	-	Dilaksanakan pada 28 Disember 2015

Bil	Perubahan yang Telah Dibuat	Kesan	Status (Tandakan ✓ pada ruangan yang berkenaan)		Catatan
			Telah Dilaksanakan	Sedang Dilaksanakan	
8.	Sasaran bagi objektif kualiti PSAS iaitu menambah rekod pertanian Malaysia dalam pangkalan data AGRIS ditambah baik daripada 6% kepada 8% bagi tahun 2016. (Perpustakaan Sultan Abdul Samad)	Maklumat pertanian di Malaysia dapat disebarkan khusus kepada warga UPM dan juga secara global. Ia juga dapat memudahkan capaian maklumat dalam bidang pertanian di Malaysia dan UPM IR serta capaian maklumat ilmiah, saintifik dan penyelidikan yang dihasilkan oleh UPM	✓	-	Dilaksanakan pada 1 April 2016
9.	Sasaran bagi objektif kualiti PSAS iaitu menambah kandungan digital dalam UPM IR ditambah baik daripada 4,000 rekod kepada 6,000 rekod bagi tahun 2016. (Perpustakaan Sultan Abdul Samad)	Dapat membantu dalam penilaian kriteria "opennes" di Webometrics.	✓	-	Dilaksanakan pada 1 April 2016
10.	Pembangunan Hospital Pengajaran UPM. (Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset)	Memberi kemudahan pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar perubatan serta memberi perkhidmatan kesihatan terbaik khususnya staf dan pelajar UPM.	-	✓	Mempunyai 400 katil dijangka siap pada tahun 2018 Sumber maklumat: Perutusan 100 hari Naib Canselor

Bil	Perubahan yang Telah Dibuat	Kesan	Status (Tandakan ✓ pada ruangan yang berkenaan)		Catatan
			Telah Dilaksanakan	Sedang Dilaksanakan	
11.	Membangunkan sebuah <i>Children's Garden and Sensory Garden</i> iaitu persekitaran taman yang direka bertujuan merangsang deria penglihatan, bau, sentuhan, rasa, dan bunyi melalui tumbuhan dan penggunaan tanaman bersesuaian. (Fakulti Pertanian dan Fakulti Rekabentuk dan Senibina)	Memberi manfaat khususnya kepada kanak-kanak, komuniti kampus dan masyarakat, terutama mereka yang mempunyai masalah berkaitan deria, termasuk autisme dan kurang upaya.	-	✓	Dijangka siap pada hujung tahun 2016 Sumber maklumat: Perutusan 100 hari Naib Canselor
12.	Menubuhkan Institut Sekuriti Makanan (ISM) yang akan menerajui agenda Sekuriti Makanan Negara ini melalui kerjasama dengan entiti yang terlibat secara langsung dalam sektor pertanian dan makanan negara, seperti pelabur, pusat penyelidikan, dan institusi pendidikan tinggi. (Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi))	Mewujudkan ekosistem yang kondusif, yang dapat membantu penggubalan dasar dan hala tuju sektor sekuriti makanan di Malaysia secara komprehensif dan berkesan.	-	✓	Sumber maklumat: Perutusan 100 hari Naib Canselor

Bil	Perubahan yang Telah Dibuat	Kesan	Status (Tandakan √ pada ruangan yang berkenaan)		Catatan
			Telah Dilaksanakan	Sedang Dilaksanakan	
13.	<p>Penawaran program 2u2i iaitu Pembelajaran Berasaskan Kerja (<i>Work-Based Learning</i>). Pelajar yang mengikuti program ini akan menyempurnakan pengajian selama dua tahun di universiti dan dua tahun di industri.</p> <p>(Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik)</p>	Menambahkan peluang pekerjaan (memenuhi keperluan industri) serta meningkatkan hubungan Universiti dengan Industri.	-	√	Sumber maklumat: Perutusan 100 hari Naib Canselor